

TARIKH	21 Mei 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	N3	RUANGAN	News

Tabung Haji buka kaunter bergerak

Usaha bantu peneroka FELDA menabung imbuhan durian runtuh

Adnan Ibrahim

KLUANG: Tabung Haji (TH) Kluang mengambil kesempatan membuka kaunter bergerak sebagai kemudahan kepada peneroka FELDA membuat tabungan sejurus menerima imbuhan durian runtuh yang sedang dijalankan di sekitar daerah ini sejak minggu lalu.

Pengurus TH Kluang, Zainuddin Abd Rahim, berkata kemudahan itu disediakan bagi membantu peneroka yang berhasrat menyimpan wang yang diterima, bagi tujuan simpanan, pendaftaran haji dan umrah.

"Menerusi pembukaan kaunter ini, secara tidak langsung kami membantu warga peneroka kerana mereka tidak perlu bersusah payah untuk ke bandar Kluang bagi penukaran cek yang diterima.

"Perkhidmatan yang diberikan oleh kaunter bergerak ini termasuklah membuka akaun baru, penambahan simpanan, pendaftaran haji dan juga menunaikan umrah," katanya ketika mengawasi operasi kaunter bergerak di FELDA Ulu Dengar di sini.

Zainuddin berkata, menerusi

pembukaan kaunter bergerak itu, TH berjaya mengumpul tabungan kira-kira RM50,000 sehari daripada setiap tanah rancangan FELDA sekitar daerah ini.

Peneroka FELDA Ulu Dengar, Ismail Sirat, 67, berkata pembukaan kaunter bergerak TH menjimat masa penduduk setempat kerana tidak perlu ke bandar Kluang semata-mata membuat penukaran cek.

"Simpanan dalam TH memberi ruang untuk kita membuat pendaftaran bagi mengerjakan haji setelah simpanan mencukupi atau sekurang-kurangnya boleh mengerjakan umrah.

"Wang yang diterima ini dapat dimanfaatkan untuk urusan yang berfaedah seperti ini, kerana bukan mudah mendapat peluang menikmati durian runtuh seperti ini," katanya.

Peneroka, Abdul Halim Utuh, 65, menyifatkan agihan imbuhan yang dilakukan ketika ini adalah peluang terbaik untuk warga peneroka menyimpan wang demi masa depan.



ZAINUDDIN (tiga dari kiri) membantu peneroka FELDA Ulu Dengar mengisi borang pendaftaran haji dan menambah simpanan ketika operasi kaunter bergerak di Kluang.